Document No : UniKL MFI_SD_AC41
Revision No : 02
Effective Date : 01 December 2008

CONFIDENTIAL

SET A

UNIVERSITI KUALA LUMPUR

Malaysia France Institute

FINAL EXAMINATION

JULY 2010 SESSION

SUBJECT CODE	:	MPW 2143
SUBJECT TITLE	:	PENGAJIAN ISLAM
LEVEL	:	BACHELOR
TIME/DURATION	:	8.00 pm – 10.00 pm (2 HOURS)
DATE	:	14 NOVEMBER 2010

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer two (2) questions only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

THERE ARE 8 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

1. Hukum-hukum syarak yang disyariatkan bagi mengatur perhubungan sesama manusia di dalam memenuhi keperluan-keperluan hidup fizikal mereka adalah
   A. ibadat.
   B. jinayat.
   C. muamalat.
   D. munakahat.

2. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai matlamat asas pensyari'atan hukum syarak terhadap manusia.
   A. Untuk menolak mafsadah terhadap manusia.
   B. Untuk merealisasikan maslahah manusia.
   C. Untuk menjaga masalah manusia terlaksana.
   D. Untuk menolak maslahah terhadap manusia.

3. Pensyariatan konsep *rukhsoh* dalam ibadah termasuk di bawah maslahah
   A. dhoruriyyat.
   B. tahsiniyyat.
   C. hajiyyat.
   D. muamalat.

4. Pilih pernyataan yang **tidak** berkaitan dengan prinsip *al-Murunah.*
   A. Berdasarkan perubahan semasa dari segi tempat, masa dan masyarakat.
   B. Perincian dalam perlaksanaan hukum – hukum syarak.
   C. Amalan dalam perkara mellibatkan ijtihad dalam hukum.
   D. Penetapan hukum - hakam dalam perkara berkaitan akhlak.

5. Syari'at Islam bersifat mudah, logik dan berasas, sesuai dan mampu dilaksanakan oleh manusia.

Pernyataan di atas merujuk kepada ciri berikut.

A. Rabbani.
B. Syumul.
C. Waqi'iyyah.
D. 'Alamiyyah.

6. Pernyataan yang **tidak tepat** tentang ciri agama Samawi ialah

A. agama bersumberkan Wahyu.
B. agama yang benar tiada tokok-tambah.
C. agama warisan nenek-moyang terdahulu.
D. agama yang mempunyai kitab-kitab rujukan.

7. Pilih bidang kerja yang **tidak** termasuk dalam kategori syubhat.

A. Bekerja sebagai pegawai perbankan konvensional.
B. Bekerja sebagai pramugara/i dengan syarikat penerbangan Air Asia .
C. Bekerja dengan syarikat milik majikan bukan Islam.
D. Bekerja sebagai broker saham New York, Amerika Syarikat.

8. Persoalan yang berkaitan secara langsung dengan konsep aqidah dalam Islam ialah

A. perundangan dan hukum Islam.
B. keikhlasan dalam ibadah.
C. perkara sam'iyyat.
D. ibadah khususiyyah dan umum.

9. Perkara yang **tidak** termasuk di bawah perbincangan khusus "Syari'at" dalam Islam

A. ibadah khususiyyah.
B. tugas dan kerja mencari rezeki.
C. sistem perundangan Islam.
D. kualiti amalan dan Ihsan.

10. Usaha menjadikan Malaysia sebagai Negara Islam mengikut Almarhum Tan Sri Ahmad Ibrahim adalah melalui cara berikut.

A. Menjadikan Islam agama rasmi Persekutuan.
B. Menjadikan Islam sebagai asas undang-undang.
C. Menjadikan Perlembagaan Persekutuan asas undang-undang.
D. Menjamin kebebasan beragama dan toleransi.

11. Sahabat Nabi SAW yang **bukan** merupakan penulis wahyu ialah

A. Muawiyah b. Abu Sufyan.
B. Abu Bakar al-Siddiq.
C. Othman b. Affan.
D. Ali b. Abi Talib.

12. Manusia boleh mengatasi kemuliaan malaikat atas sebab berikut **kecuali**

A. manusia terpaksa berdepan ujian nafsu dan keinginan.
B. malaikat dikurniakan akal semata-mata tanpa nafsu.
C. manusia dikurniakan akal dan nafsu serta naluri.
D. malaikat dijadikan daripada cahaya dan manusia dari tanah.

13 Pilih kenyataan yang **salah** mengenai keistimewaan jenazah mereka yang mati syahid dalam perang menentang orang kafir.

A. Tidak perlu dimandikan.
B. Tidak perlu dikafankan.
C. Tidak perlu disembahyangkan.
D. Tidak perlu didoakan keampunan.

14. Nabi SAW dibenar mengekalkan 11 orang isteri serentak dan tidak diceraikan berdasarkan sebab-sebab berikut **kecuali**

A. para Isteri Baginda dianggap sebagai Ummul Mukminin.
B. menjaga kemuliaan dan kehormatan isteri-isteri Baginda.
C. tidak ada sesiapa pun dibenarkan mengahwini bekas isteri-isteri Baginda.
D. isteri-isteri Baginda kebanyakannya telah lanjut usia.

15. Ciri utama Takaful Islam yang membezakannya dengan insuran konvensional riba adalah

A. konsep Tabarru' dan Mudharabah.
B. konsep Mudharabah dan Musyarakah.
C. konsep Wasilah dan Mudharabah.
D. konsep Wakalah dan Wadi'ah.

16. Ciri utama yang membezakan Tamadun Islam dengan Barat ialah

A. memberikan sumbangan terhadap ilmu pengetahuan.
B. mengabaikan hubungan antara manusia dengan Penciptanya.
C. menjadikan agama sebagai teras kemajuan dalam pelbagai bidang.
D. pembaharuan dalam bidang sains dan teknologi.

17. Pilih acara sukan yang dilarang dalam Islam.

A. Gusti.
B. Renang.
C. Muay Thai (Tomoi Siam).
D. Memanah.

18. Kesalahan Takzir dalam Islam adalah merujuk kepada bentuk jenayah berikut.

A. Berkaitan harta seperti mencuri dan merompak.
B. Berkaitan pecah amanah, rasuah dan salah-guna kuasa.
C. Mencederakan anggota badan yang tidak melibatkan kematian.
D. Kesalahan yang hukumannya telah ditentukan oleh Allah dalam al-Qur'an dan Hadith.

19. Pilih kenyataan yang **tidak tepat** mengenai peranan Hadith sebagai sumber hukum.

A. Mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an yang bersifat umum.
B. Menyatakan hukum baru yang tidak disebut dalam al-Qur'an.
C. Menyokong dan memperkuatkan isi kandungan al-Qur'an.
D. Membetulkan kesilapan dan kekaburan dalam al-Qur'an.

20. Siapakah di antara berikut diiktiraf sebagai " syahid dunia akhirat "?

A. Wanita yang mati kerana sakit melahirkan anak.
B. Orang yang mati di medan perang menentang musuh Islam.
C. Orang fasik yang mati di medan perang menentang musuh Islam.
D. Orang yang mati kerana sakit dalam perut dan kolera.

BAHAGIAN B (Jumlah: 30 markah)

ARAHAN: Jawan SEMUA soalan.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

1. Nyatakan perbezaan di antara Tauhid Uluhiyyah dan Rububiyyah.

(2 markah)

2. Berikan **dua** kepentingan jihad peperangan menentang musuh Islam.

(2 markah)

3. Sebutkan **dua** peranan Hadith sebagai sumber hukum Islam.

(2 markah)

4. Senaraikan **dua** peranan Khulafa' al-Rasyidin dalam pemerintahan Islam.

(2 markah)

5. Nyatakan **dua** kepentingan mewujudkan institusi al-Rahn dalam Islam.

(2 markah)

Soalan 2

1. Nyatakan **dua** hak Allah SWT yang mengikat manusia dalam kehidupan.

(2 markah)

2. Sebutkan hukuman bagi kesalahan hukum hudud di bawah.

   i) *Qazaf.*

   ii) *Syurb al-khamr.*

(2 markah)

3. Nyatakan **dua** sebab hukum kesenian yang harus bertukar menjadi haram.

(2 markah)

4. Sebutkan **dua** faktor kejatuhan kerajaan dalam sejarah tamadun Islam.

(2 markah)

5. Sebutkan **dua** peranan yang boleh dimainkan oleh pemimpin negara dalam memajukan pendidikan Islam di Malaysia.

(2 markah)

Soalan 3

1. Nyatakan **dua** sumber tamadun Islam selain Al-Quran & Hadith.

(2 markah)

2. Nyatakan **dua** faktor yang mengharuskan kegiatan seni mengikut Imam al-Ghazali.

(2 markah)

3. Nyatakan **dua** tanggungjawab ibu-bapa terhadap pendidikan anak-anak ketika usia mereka menjangkau 5 hingga 6 tahun.

(2 markah)

4. Senaraikan **dua** sumber pendapatan Baitulmal.

(2 markah)

5. Berikan **dua** cadangan untuk mendekatkan remaja dengan program keagamaan di masjid.

(2 markah)

BAHAGIAN C (Jumlah: 30 markah)

ARAHAN: Jawab DUA (2) soalan sahaja.
Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

Agama berperanan besar dalam membentuk peribadi insan yang kamil disamping membentuk masyarakat yang ideal serta menitikberatkan pembentukan akhlak dan kerohanian sesebuah masyarakat.

Bincangkan konsep Islam sebagai al-Din dan jelaskan **tiga** ciri-ciri Islam sebagai agama sarnawi.

(15 markah)

Soalan 2

Kejayaan dan kecemerlangan sesebuah tamadun ditentukan oleh dasar dan nilai yang dipegang oleh mereka. Tamadun Islam telah berjaya menguasai sebahagian besar dunia dengan ciri keunikan dan keistimewaan yang tersendiri.

Bincangkan **tiga** ciri keunikan dan keistimewaan tamadun Islam berbanding tamadun sekular barat dan jelaskan **dua** faktor kemorosotan tamadun Islam.

(15 markah)

Soalan 3

Agama Islam tertegak atas dasar ilmu pengetahuan. Tanpa ilmu pengetahuan kita tidak akan dapat mengenal *Khaliq* dan seterusnya tidak dapat berbakti kepadaNya.

Huraikan **tiga** matlamat pendidikan Islam dan kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan umat Islam masa kini. Bincangkan peranan yang seharusnya dimainkan oleh institusi masyarakat dan kepimpinan negara bagi menjayakan matlamat pendidikan Islam.

(15 markah)

Soalan 4

Peristiwa Hijrah umat Islam daripada Mekah ke Madinah tidak hanya menjadi peristiwa penting bahkan merupakan satu titik perubahan dalam sejarah Islam yang menyumbang kepada kemajuan dan pengembangan warisan generasi Islam.

Bincangkan **tiga** tindakan Nabi SAW selepas Hijrah sehingga berjaya mengukuhkan kekuatan politik dan Negara Islam Madinah. Jelaskan **dua** pengajaran daripada peristiwa Hijrah ke Madinah yang boleh kita manfaatkan pada zaman kini.

(15 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT